

Padi tingkatkan taraf hidup anak muda

S.H 16/05/08 M/S 15

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meletakkan sasaran meningkatkan pengeluaran padi negara, daripada 72 peratus kepada 80 hingga 90 peratus pada musim akan datang.

TIDAK seperti kebanyakan anak muda lain di Pulau Pinang yang lebih berminat bekerja dalam sektor perindustrian, Hamid Mat Desa, 27, dari Nibong Tebal, memilih haluan sendiri dengan meneruskan pekerjaan turun temurun keluarganya sebagai pesawah.

Langkah Hamid menceburi bidang itu sejak tahun 1999 selaras dengan hasrat kerajaan melipatgandakan usaha meningkatkan pengeluaran padi negara lebih-lebih lagi ketika harga beras kini melonjak di pasaran dunia.

Baru-baru ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meletakkan sasaran meningkatkan pengeluaran padi negara, daripada 72 peratus kepada 80 hingga 90 peratus pada musim akan datang.

Ia bertujuan mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import. Malaysia mengimport 30 peratus keperluan beras iaitu kira-kira 700,000 metrik tan setahun, sebahagian besarnya dari Thailand dan Vietnam.

Justeru, Hamid yang mengusahakan kira-kira lima hektar sawah padi di Nibong

Tebal boleh berbangga ketika ini kerana beliau merupakan antara penyumbang bekalan beras negara.

Semangat bekerja

Hamid berkata, pada mulanya beliau hanya menganggap pekerjaan itu adalah pekerjaan biasa, bagaimanapun apabila berlaku masalah kekurangan beras, pekerjaan itu dirasakan begitu penting sekali gus memberi semangat untuk beliau terus bekerja keras.

"Saya bangga menjadi pesawah kerana hasil yang diperoleh daripada kerja saya dapat membantukan penduduk negara ini. Krisis makanan dan masalah beras itu memberi semangat untuk saya terus mempertingkatkan hasil tanaman padi saya," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau, yang pernah mendapat anugerah Peladang Muda Jaya peringkat Pulau Pinang tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2004 berkata, bidang pertanian mampu menjana pendapatan lumayan kerana terbukti bahawa dengan menceburi bidang itu, beliau dapat memperbaiki taraf hidupnya.

"Saya tidak setuju dengan pendapat orang bahawa kerja ini susah dan tidak memberi pulangan yang baik," katanya yang memperoleh pendapatan purata sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 sebulan hasil daripada tanaman padi.

Bapa kepada seorang anak itu berhasrat meluaskan tanaman padinya dan akan terus berusaha mencapai 10 metrik tan padi sehektar pada masa akan datang.

"Pada masa sekarang saya hanya boleh mencapai lapan metrik tan padi sehektar kerana beberapa masalah seperti padi angin, serangan makhluk perosak seperti tikus dan siput gondang emas dan saya akan berusaha lebih gigih untuk mencapai sasaran 10 metrik tan sehektar," katanya.

Harga murah

Hamid yang dibantu empat pekerja mampu menghasilkan kira-kira 70 metrik tan padi setahun.

Bagaimanapun, beliau melahirkan rasa kecewa kerana harga padi yang didakwa terlalu murah sedangkan kos pengeluaran padi semakin meningkat sehingga mencapai RM1,600 sehektar.

"Pengilang membeli padi pada harga RM650 satu metrik tan. Pesawah tidak dapat pulangan yang banyak kerana kos pengeluaran meningkat berikutan harga barangan seperti baja dan racun turut meningkat dari semasa ke



Hamid melakukan kerja-kerja meracun di sawah padi yang diusahakan beliau di Nibong Tebal, baru-baru ini.

semasa," katanya menjelaskan bahawa padi dibeli dengan harga yang berbeza oleh pengilang.

Pada tahun 2006, kerajaan menetapkan harga minimum terjamin bagi padi daripada RM559 kepada RM650 setan metrik.

Semalam, Perdana Menteri dalam satu kenyataan menyebut bahawa harga minimum terjamin beras dinaikkan daripada RM650 satu tan metrik kepada RM750 satu tan metrik.

Langkah itu diambil selepas kerajaan menimbangkan kepentingan semua pihak dan bagi memelihara kebajikan pengguna dan pesawah dalam isu kenaikan harga padi dan beras.

Pendapatan tambahan

Hasil daripada usaha gigihnya, Hamid dapat membeli empat buah jentera pembajak yang digunakan untuk mengambil

upah membajak sawah.

"Ini merupakan pendapatan tambahan saya. Bagi setiap musim padi, saya memperoleh pendapatan bersih sebanyak RM15,000 hasil daripada upah membajak," katanya.

Selain mengusahakan sawah padi, Hamid turut mempelbagaikan sumber pendapatannya dengan menternak lembu.

Hamid yang mempunyai 60 ekor lembu berkata, setiap tahun beliau menjual kira-kira 20 ekor lembu dengan harga antara RM1,800 hingga RM2,500 seekor.

Beliau turut menternak sembilan ekor kambing dan membina kolam ikan bagi mempelbagaikan pendapatannya.

"Saya sarankan golongan muda yang tidak mempunyai pekerjaan menceburi bidang pertanian kerana jika kita berusaha bersungguh-sungguh, ia mampu memberi pulangan yang lumayan," katanya.